

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
BUMI ABADI (M) SDN BHD  
TERENGGANU

Oleh

ROSMALINTI BINTI IBRAHIM  
Sarjana Muda Pengurusan (Maritim)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)

2005

1100039936

LJ 63 FPE 2 2005



1100039936

Laporan akhir Latihan Industri di Bumi Abadi (M) Sdn. Bhd.  
Terengganu / Rosmalini Ibrahim.

PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

1100039936

Lihat sebelah



**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI  
DI BUMI ABADI ( M ) SDN. BHD.  
TERENGGANU.**

**Disediakan Oleh :**

**ROSMALINI BINTI IBRAHIM  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
( MARITIM )**

**Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada :**

**Jabatan Pengurusan dan Pemasaran  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi ( FPE )  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
( KUSTEM )**

**2005**

**1100039936**

## **PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN**

Dengan ini saya **ROSMALINI BINTI IBRAHIM**, mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 ini adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan,



Nama : Rosmalini Binti Ibrahim

Tarikh : Oktober 2005

Disahkan Oleh :



Encik Madzli Bin Haji Harun

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

## **PENGHARGAAN**

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya pelatih dapat menjalani Latihan Industri dengan selamat.

Terlebih dahulu pelatih ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak KUSTEM kerana memberi kepercayaan kepada pelatih untuk menjalani Latihan Industri di Bumi Abadi (M) Sdn. Bhd. Di samping itu, pelatih ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia Latihan Industri iaitu Encik Madzli Harun yang telah banyak membantu pelatih ketika menjalani Latihan Industri. Encik Madzli juga telah hadir di Bumi Abadi bagi membuat pemerhatian. Jadi, kehadiran beliau pelatih dahului dengan ucapan terima kasih.

Pelatih juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Encik Alif, dan Encik Zulkefli Mat Zain (Pengurus Operasi) kerana sudi memberi ruang kepada pelatih untuk menjalani Latihan Industri di Bumi Abadi (M) Sdn. Bhd. Encik Zulkefli (penyelia pelatih di Bumi Abadi) telah banyak membimbing pelatih secara bertali-arus.

Seterusnya, ucapan terima kasih juga pelatih ucapkan kepada semua kakitangan Bumi Abadi (M) Sdn. Bhd. yang turut membantu dan memberikan kerjasama kepada pelatih terutamanya di Bahagian Perkapalan iaitu En. Masrun bin Mohamad, En. Jaafar bin Jais, dan Cik Asfaizah binti Mamat.

Mereka telah memberikan banyak input kepada pelatih. Mereka juga telah memberi tunjuk ajar tentang operasi-operasi kerja.

Pelatih juga ingin mengucapkan terima kasih kepada keluarga yang banyak membantu dan memberikan sokongan kepada pelatih. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada abang yang memberikan bantuan dari segi tempat tinggal dan kewangan. Pelatih amat menghargai bantuan dan sokongan daripada mereka.

Selain itu, pelatih juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Master, Ch. Mate, Ch. Engineer, Bosun, Oiler, Able Bodied, dan Cook yang telah memberikan kerjasama yang jitu kepada pelatih. Walaupun mereka terdiri daripada pelbagai bangsa dan negara, komitmen yang padu dapat diberikan oleh mereka kepada pelatih. Jasa-jasa mereka begitu bermakna kepada pelatih.

Pelatih juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kakitangan Alam Maritim dan Semaring Logistic yang turut membantu memberikan input kepada pelatih. Mereka terdiri daripada Kapten Azha bin Yunus, En. Masri, Puan Munirah, Kapten Zaini bin Ahmad, dan En. Fendy. Walaupun pelatih menjalani Latihan Industri di syarikat yang berbeza, mereka tetap memberikan tunjuk ajar yang sepenuhnya kepada pelatih.

Tidak ketinggalan juga, pelatih ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan yang menyumbangkan maklumat dan pendapat kepada pelatih terutamanya Suriyati, Rozita, Baizurah, dan Azura. Bantuan yang diberikan oleh mereka juga banyak membantu pelatih semasa menjalani Latihan Industri.

ROSMALINI BINTI IBRAHIM

SARJANA MUDA PENGURUSAN MARITIM

KUSTEM

## ISI KANDUNGAN

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
	PENGHARGAAN	ii
	ISI KANDUNGAN	v
	SENARAI RAJAH	viii
	RINGKASAN EKSEKUTIF	ix

## BAB 1

1.0	PENGENALAN	1
1.1	LATAR BELAKANG BUMI ABADI (M) SDN. BHD	2
1.1.1	LATAR BELAKANG SYARIKAT	2
1.1.2	LOKASI	4
1.2	MAKLUMAT ORGANISASI	5
1.3	CARTA ORGANISASI	7
1.4	FUNGSI DAN AKTIVITI BAHAGIAN	8
1.4.1	BAHAGIAN PERKAPALAN	8
i)	Operasi	10
ii)	Pengambilan krew	10
iii)	Kewangan	11
1.4.2	BAHAGIAN PERDAGANGAN	11
1.5	PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN	12
1.5.1	AGENSI PERKAPALAN	12
i)	Proses naik turun anak kapal	12
ii)	Operasi kemasukan kapal	13

iii) Operasi keluar kapal	14
iv) Membuat permit kerja	14
v) Membekalkan makanan untuk anak kapal	15
vi) Perkhidmatan pengangkutan	15
<b>1.7 KEKUATAN ORGANISASI</b>	<b>16</b>
1.7.1 Pihak pengurusan dan kakitangan	16
1.7.2 Prinsip syarikat	17
<b>1.8 KEMAHIRAN YANG INGIN DIPELAJARI</b>	<b>19</b>
i) Komunikasi dengan kapal dan pihak pentadbir kapal	19
ii) Komunikasi dengan pemilik kapal	19
iii) Proses kemasukan kapal ke dermaga	20
iv) Proses membawa naik turun anak kapal	21
v) Proses invoicing	21

## BAB 2

<b>2.0 PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN</b>	<b>32</b>
<b>2.1.0 SISTEM PENGAMBILAN KREW KAPAL</b>	<b>22</b>
<b>2.1.1 PENGENALPASTIAN MASALAH</b>	<b>25</b>
i) PUNCA MASALAH	25
ii) KESAN MASALAH	26
<b>2.1.2 CADANGAN PENYELESAIAN</b>	<b>27</b>
<b>2.1.3 IMPLIKASI PERLAKSANAAN DAN KESAN</b>	<b>27</b>

<b>2.2.0 SISTEM KEWANGAN</b>	<b>28</b>
<b>2.2.1 PENGENALPASTIAN MASALAH</b>	<b>30</b>
i)     PUNCA MASALAH	30
ii)    KESAN MASALAH	31
<b>2.2.2 CADANGAN PENYELESAIAN</b>	<b>31</b>
<b>2.2.3 IMPLIKASI PELAKSANAAN DAN KESAN</b>	<b>32</b>
<b>2.3.0 SISTEM PERDAGANGAN</b>	<b>32</b>
<b>2.3.1 PENGENALPASTIAN MASALAH</b>	<b>34</b>
i)     PUNCA MASALAH	34
ii)    KESAN MASALAH	35
<b>2.3.2 CADANGAN PENYELESAIAN</b>	<b>35</b>
<b>2.3.3 IMPLIKASI PELAKSANAAN DAN KESAN</b>	<b>36</b>
<b>BAB 3 PENUTUP</b>	<b>38</b>
<b>3.0 RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>38</b>
<b>3.1 CADANGAN LATIHAN INDUSTRI</b>	<b>40</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>42</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>43</b>

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>	<b>Halaman</b>
1.1    Carta Organisasi	7
2.1    Carta Aliran Sistem Pengambilan Krew Kapal	24
2.2    Carta Aliran Sistem Kewangan	29
2.3    Carta Aliran Sistem Perdagangan	33

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri merupakan suatu komponen subjek yang penting dalam program pengajian di FPE. Melalui Latihan Industri, pelatih dapat mempelajari dengan lebih mendalam mengenai teori dan pengajaran yang dipelajari di samping mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam kuliah dengan realiti alam pekerjaan. Di samping itu, melalui Latihan Industri ini, pelatih akan mendapat pengalaman dan kemahiran asas mengenai pekerjaan yang berkaitan dengan bidang masing-masing. Hal ini kerana pelatih didedahkan dengan alam pekerjaan yang sebenar. Pelatih telah ditempatkan di Bumi Abadi (M) Sdn. Bhd. yang merupakan sebuah syarikat perkapalan yang ditubuhkan pada 27 Ogos 1998 untuk bahagian Perdagangan dan 15 Ogos 2001 untuk bahagian Perkapalan. Aktiviti utama bagi bahagian perkapalan ialah agen perkapalan yang menawarkan perkhidmatan kepada pemilik kapal seperti *crewing, port clearance, supply vessel lube* dan lain-lain lagi. Manakala bahagian Perdagangan pula menawarkan perkhidmatan pembekalan seperti peralatan bahan ganti, gas, minyak dan sebagainya. Antara objektif syarikat ini adalah mengukuhkan kerjasama jangka panjang dengan pelanggan, menghasilkan kualiti yang baik dalam perkhidmatan perkapalan seperti menjalankan perundingan ke atas persaingan kadar dan syarat yang sesuai. Sepanjang berada di Bumi Abadi, pelatih telah ditempatkan di bahagian perkapalan. Di bahagian ini, pelatih telah berpeluang untuk mempelajari sistem operasi, sistem kewangan, dan sebagainya. Manakala di bahagian Perdagangan pula, pelatih berpeluang mempelajari sistem perdagangan. Sepanjang 12 minggu tempoh menjalani Latihan Industri, pelatih telah dapat mengenal pasti beberapa masalah di kedua-dua bahagian dalam syarikat ini. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat oleh pelatih, beberapa punca masalah telah dikenal pasti. Punca masalah merangkumi luaran dan dalaman syarikat. Masalah yang melanda syarikat ini seharusnya diatasi secepat yang mungkin supaya prestasi syarikat tidak terjejas teruk. Justeru itu, pelatih telah memberikan beberapa cadangan penyelesaian kepada syarikat ini. Secara keseluruhannya, pelatih berharap hasil daripada penemuan yang dijalankan oleh pelatih dan cadangan penyelesaian masalah akan dapat membantu pihak syarikat menjalankan sistem kerja dengan lebih efektif, dan juga dapat mencapai matlamat syarikat dengan cemerlang.